

MAHATHIR-KAHWIN

1984

KULIM, 20 APRIL (BERNAMA)--KAUM LELAKI DI NEGARA INS TIDAK HARUS MEMBUAT ALASAN KONONNYA MATLAMAT KERAJAAN UNTUK MENAMBAHKAN BILANGAN PENDUDUK HINGGA 70 JUTA ORANG DALAM EMPAT TAHUN AKAN MENGGALAKKAN MEREKA BERISTERI. SEHINGGA EMPAT ORANG, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN DASAR ITU CUMA MENGHENDAKI SEPASANG SUAMI ISTERI DIKURNIAKAN LIMA ORANG ANAK.

+JANGAN PULA SUAMI-SUAMI BALIK KE RUMAH DENGAN MEMBERITAHU ISTERI, DR. MAHATHIR SURUH KAHWIN.

+SAYA TIDAK SURUH KAHWIN EMPAT ORANG ISTERI KERANA JIKA BERKAHWIN EMPAT PUN TIDAK SEORANG PUN MEMPUYAI ANAK TAK GUNA JUGA, +KATANYA DISAMBUK DENGAN GELAK KETAWA PARA PERWAKILAN SEMASA BELIAU MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN PADANG SERAI DI SINI.

PERKARA ITU TIMBUL APABILA KETUA BAHAGIAN, ENCIK MAHMUD MAT ZAIN MENGESYORKAN KERAJAAN MENGUSULKAN SUPAYA LELAKI DIBENARKAN BERKAHWIN SEHINGGA EMPAT ORANG ISTERI TANPA MENDAPAT IZIN ISTERI

PERTAMA, --LAGI 1440/PA
NNNN

ZCZC B571

MAHATHIR-KAHWIN 2 KULIM

+JIKA NAK TUNGGU IZIN ISTERI, SAMPAI BILA-BILA PUN TAK BOLEH KAHWIN. SAYA BERI JAMINAN J L K A BERKAHWIN LEBIH DARI SATU DIGALAKKAN OLEH KERAJAAN SUDAH TENTU MATLAMAT UNTUK MENCAPAI 70 JUTA PENDUDUK AKAN TERCAPAI, +KATA ENCIK MAHMUD DENGAN TEPUKAN GEMURUH PARA PERWAKILAN LELAKI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJAWAB BELIAU TELAH MEMBUAT PERKIRAAN SENDIRI YANG DINAMAKANNYA +PERHITUNGAN MAHATHIR+ BAHAWA JUMLAH PENDUDUK LELAKI DAN WANITA DI MALAYSIA ADALAH SAMA BANYAK.

+JIKA LELAKI BERKAHWIN LEBIH DARI SEORANG ISTERI, MAKNANYA DIA MENGANIAYA LELAKI LAIN. MEREKA NAK KAHWIN JUGA TETAPI KALAU ORANG LAIN DAH SAPU, TIDAK ADA PELUANG LANGSUNG. +

PERDANA MENTERI MENGULANGI BAHAWA PERTAMBAHAN PENDUDUK MALAYSIA TIDAK MENDATANGKAN MASALAH DAN SEMUA WARGANEGARA AKAN MENDAPAT TEMPAT DI TANAH AIR INI KERANA KAWASANNYA LUAS. --BERNAMA 1442/PA